

08 OCT 1997

Putrajaya-dunia

PUTRAJAYA AKAN JADI BANDARAYA BERTARAF DUNIA

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Putrajaya, "bandar taman bestari" yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini, mampu menjadi sebuah bandaraya bertaraf dunia.

Terletak di kawasan seluas 4,581 hektar kira-kira 25 km dari sini, bandaraya itu akan dilengkapi teknologi terkini, kaedah pengangkutan dan perancangan bandar paling moden serta seni taman dan pemuliharaan alam sekitar yang indah.

Tan Sri Abdul Rashid Hussein, pengerusi Putrajaya Holdings Sdn Bhd, pemaju projek itu, berkata Putrajaya dibangunkan dengan standard perancangan tinggi bagi mewujudkan satu pelan induk bercirikan Malaysia dalam melahirkan bandaraya moden berteras budaya dan tradisi kebangsaan.

Selain menempatkan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan bagi 76,000 kakitangan, bandaraya itu yang terletak antara Kuala Lumpur dan Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang akan menyediakan persekitaran kehidupan bandar bagi 300,000 penduduk, katanya pada majlis pelancaran bandaraya itu di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Sebanyak 67,000 rumah termasuk 10,000 rumah kos rendah akan dibina di bandaraya itu.

Rashid berkata Putrajaya akan dibina dalam dua fasa dengan Fasa Satu yang terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri dan kediaman rasmi Perdana Menteri, dijangka siap menjelang tahun 2000.

Pembinaan ciri-ciri lain bandaraya itu seperti jalan raya, infrastruktur, kemudahan awam dan mercu tanda penting seperti Masjid Putra, Jambatan Putra dan Dataran Putra serta padang, taman, tasik dan tanah lembap juga sedang berjalan lancar.

Beliau berkata Fasa Dua kini dalam peringkat perancangan manakala pembangunannya akan ditentukan oleh keadaan pasaran berikutan keputusan kerajaan baru-baru ini untuk menanggung projek-projek besar negara dalam keadaan krisis ekonomi kini.

Putrajaya Holdings, yang bertanggungjawab membangunkan Putrajaya adalah sebuah syarikat milik kerajaan yang didokong oleh Khazanah Nasional Bhd, Petronas dan Kumpulan Wang Amanah Negara.

Syarikat lain yang terlibat dalam usahasama pembangunannya ialah Malaysian Resources Corporation Bhd, Peremba, SP Setia, Hong Leong Properties dan Malaysian Plantations. -- BERNAMA

RAZ NAK